

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 OGOS 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 11

Perkenal insentif baharu pacu Ekonomi MADANI

Perkenal insentif baharu pacu Ekonomi MADANI



Pengurus Kanan
InvestPerak

Oleh Dr Ahmad Shahir Abdul Aziz
bhrencana@bh.com.my

Berdasarkan unjuran Bank Dunia, ekonomi global dijangka berkembang sebanyak 1.7 peratus pada 2023 dan 2.7 peratus pada 2024.

Pertumbuhan ekonomi perlahan ini didorong kemelesetan ekonomi di Amerika Syarikat (AS), ketidaktentuan ekonomi di Eropah serta permintaan pasaran perlahan di China.

Fenomena ini mendesak kita untuk menetapkan gagasan dan hala tuju baharu lebih segar menerusi formula berkesan bagi memastikan negara terus kukuh mendepani persaingan ekonomi global lebih kompleks.

Maka, Malaysia memerlukan dasar dan hala tuju jelas dalam mendepani persekitaran ekonomi global semakin mencabar pada tahun mendatang.

Justeru, langkah kerajaan mengumumkan gagasan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat seperti dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah jawapan wajar kepada permasalahan yang timbul bagi menjamin kemampanan ekonomi, daya saing serta kesejahteraan rakyat.

Berbeza dengan dasar ekonomi sebelum ini, gagasan Ekonomi MADANI memberi kejelasan sasaran ingin dicapai dalam tempoh 10 tahun akan datang dengan mendasari dua prinsip utama iaitu

menstruktur semula ekonomi dan kehidupan berkualiti untuk rakyat.

Antara sasaran ditetapkan adalah seperti menjadi 30 ekonomi terbesar di dunia (ketika ini 37), berada di tangga ke-12 teratas Indeks Daya Saing Global (ketika ini 27), berada di tangga ke-25 dalam Indeks Pembangunan Manusia (ketika ini 62) dan berada di tangga ke-25 dalam Indeks Persepsi Rasuah (ketika ini 61).

Namun begitu, perincian tindakan dan pelaksanaan perlu diberi penekanan bagi memastikan gagasan ini tidak hanya bersifat retorik.

Sehubungan dengan itu, beberapa strategi dan dasar baharu seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen (HETR) yang akan diumumkan dilihat penting bagi menyokong pelaksanaan gagasan Ekonomi MADANI.

Selain daripada pelan dan dasar dinyatakan, beberapa inisiatif dan pendekatan baharu perlu juga diambil kira untuk dilaksanakan seperti pengenalan insentif baharu lebih segar kepada pelabur.

Antaranya seperti pengenalan insentif khas 'kerjasama strategik' antara pelabur asing dan tempatan. Dalam hal ini, pada kebiasaannya mana-mana pelabur yang melabur dalam kategori pelaburan

berkualiti dan berteknologi tinggi layak memperoleh insentif pengecualian cukai korporat 100 peratus bagi tempoh sehingga 10 tahun.

Tempoh pengecualian cukai ini wajar dilanjutkan sehingga tempoh 15 atau 20 tahun dengan syarat pelabur asing bersedia untuk memberi tawaran ekuiti sehingga 30 peratus kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) atau mana-mana syarikat tempatan.

Menerusi kaedah ini bukan hanya memberi peluang kepada syarikat tempatan membuat keuntungan, bahkan turut sama terbabit dalam pemindahan teknologi dan bekalan rantaian global khususnya dalam industri berteknologi tinggi.

Pada akhirnya ia akan menggalakkan syarikat tempatan untuk membangunkan teknologi, produk dan keupayaan sendiri tanpa bergantung kepada firma asing.

Selain itu, kerajaan boleh mempertimbang cadangan untuk mewujudkan insentif khas di kawasan luar bandar.

Dalam hal ini, mana-mana pelabur bersedia untuk melabur di kawasan luar bandar dan pedalaman, mereka wajar diberikan insentif khas pengecualian cukai 100 peratus bagi tempoh sehingga 10 tahun.

Menerusi insentif ini ia akan menggalakkan lebih banyak pelaburan baharu di kawasan kurang membangun sekali gus menjamin pembangunan inklusif, adil dan seimbang merentasi daerah dan negeri.

